



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Applied Mathematics and Economics / Computational and Statistical Methodology Analysis Large Scale Data / Computer and Information Systems / Computer Science / Computing (Data Analytics) / Mathematics* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Applied Mathematics and Economics / Computational and Statistical Methodology Analysis Large Scale Data / Computer and Information Systems / Computer Science / Computing (Data Analytics) / Mathematics* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (Jika ada)
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan penganalisan kemiskinan di Negara Brunei Darussalam berdasarkan maklumat yang diterima di Sistem Kebajikan Negara;
2. Melaksanakan penganalisan umum berkaitan dengan Sektor Kemasyarakatan di Negara Brunei Darussalam;
3. Melaksanakan penganalisan kecekapan prestasi Tekad Pemedulian Orang Ramai Skim Kebajikan Negara terhadap agensi-agensi pemberian bantuan di Sistem Kebajikan Negara;
4. Menyediakan data-data di bawah Sistem Kebajikan Negara yang dipohonkan oleh agensi-agensi luar;
5. Mereka bentuk papan pemuka analisis bagi data-data Sistem Kebajikan Negara;
6. Mengemaskinikan statistik berkaitan Sistem Kebajikan Negara;
7. Mengemaskini akses pengguna sistem secara berkala bagi melindungi keselamatan, integriti dan kerahsiaan maklumat Sistem Kebajikan Negara;
8. Membuat penyelarasan bersama pihak pembekal sistem mengenai laporan kestabilan sistem;
9. Memberikan pandangan dan cadangan penyelesaian (*consultancies and solutions*) berkaitan sistem teknologi (*IT*) kepada ketua dari semasa ke semasa seperti Pengesahan Data, Sistem *Redundancy*, *Database Security backup solutions*;
10. Melaporkan dapatan-dapatan kajian terkini kepada Ketua dari masa ke semasa;
11. Membantu menyediakan laporan bulanan Sistem Kebajikan Negara;
12. Membantu Pengarah dan Timbalan Pengarah dalam hal ehwal penyediaan laporan dan maklumbalas / penyediaan kertas kerja, penyemak terhadap sebarang persuratan / kertas kerja dari luar negeri; dan
13. Menerima arahan dari Pengarah dari semasa ke semasa.